

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PERMOHONAN KEMASUKKAN KE
PROGRAM PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAHUN 2024**

PERMOHONAN

S1. Siapakah yang layak memohon?

J1. *Program Diploma Pascasiswazah (PDPP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) tahun 2024 dibuka kepada semua graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda TANPA pendidikan dari mana-mana universiti awam (UA) atau universiti swasta (US) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).*

S2. Bilakah tarikh permohonan PDPP 2024 dibuka?

J2. *Anda boleh membuat permohonan mulai **13 Ogos 2024 hingga 19 Ogos 2024** secara dalam talian menerusi laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>.*

S3. Adakah syarat umur ditetapkan?

J3. *Syarat umur ditetapkan adalah tidak melebihi 35 tahun pada 30 September 2024 iaitu lahir pada atau selepas 30 September 1989.*

S4. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lengkap program yang ditawarkan?

J4. *Maklumat boleh didapati dari laman sesawang PDPP di <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>.*

S5. Berapakah pilihan bidang yang boleh dibuat?

J5. *Anda hanya boleh membuat dua pilihan bidang sahaja dalam satu permohonan.*

S6. Apakah syarat minimum untuk saya memohon?

J6. *Anda boleh merujuk syarat dan kelayakan permohonan dalam iklan PDPP 2024 di laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>. Anda perlu membaca syarat-syarat yang ditetapkan dengan teliti sebelum membuat permohonan.*

S7. Bagaimana saya hendak membuat pilihan bidang yang sesuai dengan kelayakan ijazah saya?

J7. *Anda perlu memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan berdasarkan ijazah yang dimiliki mengikut Kluster Mata Pelajaran (KMP) yang ditetapkan oleh KPM (sila rujuk KMP dalam permohonan secara dalam talian).*

- S8. Berapa kali saya boleh mengemas kini permohonan?**
- J8.** *Anda boleh mengemas kini permohonan pada bila-bila masa sebelum membuat pengesahan. Anda perlu membuat pengesahan permohonan dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **15 April 2024**. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan dan tarikh menduduki e-UKCG.*

UJIAN KELAYAKAN CALON GURU (e-UKCG)

S1. Apakah e-UKCG?

- J1.** *e-UKCG adalah ujian psikometrik yang dilaksanakan secara talian untuk menyaring calon-calon yang memohon latihan perguruan di IPG. Hanya calon yang lulus e-UKCG layak dipertimbangkan untuk menduduki saringan seterusnya.*
-

S2. Bilakah e-UKCG PDPP dijalankan?

- J2.** *e-UKCG PDPP 2024 akan dilaksanakan dalam 2 sesi iaitu Sesi 1 pada **14 – 16 Ogos** dan Sesi 2 pada **19 – 22 Ogos 2024**. Calon perlu rujuk tarikh-tarikh penting dalam laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD> dari semasa ke semasa.*
-

S3. Bolehkah calon menukar tarikh e-UKCG yang telah ditetapkan?

- J3.** *Tidak boleh. Calon tidak dibenarkan menukar tarikh e-UKCG dan calon perlu bersedia untuk menduduki ujian tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.*
-

S4. Bagaimana calon boleh mengetahui status layak e-UKCG?

- J4.** *Calon yang telah mengesahkan dan menghantar permohonan secara dalam talian akan menerima tarikh menduduki e-UKCG pada tarikh pengesahan dibuat. Sila simpan dan ingat tarikh e-UKCG yang ditetapkan.*
-

S5. Bagaimana pelaksanaan e-UKCG?

- J5.** *e-UKCG dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Calon boleh menduduki e-UKCG di mana-mana tempat yang sesuai dan mempunyai talian internet yang stabil. Sila rujuk panduan pelaksanaan e-UKCG dalam laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>.*

S6. Bagaimana sekiranya calon sukar mendapatkan talian internet untuk menduduki e-UKCG di rumah?

J6. *Calon boleh menduduki e-UKCG di kawasan atau tempat lain yang ada menyediakan perkhidmatan internet seperti kafe siber, pusat ICT kampung, sekolah, perpustakaan awam atau di kawasan yang menyediakan internet tanpa wayar. Perlu diingatkan bahawa e-UKCG adalah **SULIT**. Calon tidak dibenarkan menunjuk dan membuka ruang untuk orang lain melihat atau menyebarkan soalan ujian kepada individu atau pihak lain.*

S7. Apakah alat yang boleh digunakan untuk menjawab e-UKCG?

J7. *e-UKCG hanya boleh dijawab secara dalam talian. Oleh itu, calon memerlukan talian internet yang stabil dan digalakkan menggunakan komputer atau komputer riba agar lebih selesa. Walau bagaimanapun, calon boleh menjawab menggunakan alat-alat lain seperti telefon bimbit atau tablet.*

S8. Di manakah calon boleh mendapatkan panduan untuk menduduki e-UKCG?

J8. *Panduan menduduki e-UKCG disediakan. Calon boleh memuat turun garis panduan melalui laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>. Calon dinasihati untuk membaca dan memahami garis panduan sebelum menjawab e-UKCG.*

S9. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menduduki e-UKCG?

J9. (i) *Calon akan ditetapkan tarikh untuk menduduki e-UKCG. Calon perlu peka dengan tarikh yang diberi dan membuat persediaan awal seperti mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menjawab sekiranya tiada talian internet di rumah.*
(ii) *Pastikan calon membaca dan memahami arahan soalan dengan teliti sebelum membuat pengesahan untuk menjawab soalan.*
(iii) *e-UKCG mengandungi banyak soalan dan perlu dijawab dalam tempoh masa yang terhad. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menjawab secara spontan. Pilih jawapan yang sesuai dengan diri sendiri.*

S10. Bolehkah calon berbincang dengan keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG?

J10. *Tidak boleh. Calon tidak dibenarkan berbincang atau bertanya kepada ahli keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG.*

- S11. Setelah calon selesai menjawab e-UKCG dan klik butang hantar, adakah calon boleh menjawab semula ujian tersebut?**
- J11.** *Tidak boleh. Calon tidak boleh lagi menjawab e-UKCG setelah klik butang hantar.*
-

- S12. Bagaimana sekiranya berlaku gangguan teknikal semasa calon menjawab e-UKCG seperti kerosakan talian internet, terputus bekalan elektrik, kerosakan komputer dan sebagainya?**
- J12.** *Sekiranya calon menghadapi gangguan teknikal ketika menjawab e-UKCG seperti gangguan talian internet atau elektrik yang menyebabkan calon tidak boleh meneruskan menjawab, calon dibenarkan mengulang menjawab e-UKCG dengan menekan butang “RESET”. Butang reset tidak wujud jika calon telah menjawab kesemua soalan dalam tempoh yang ditetapkan. Calon hanya dibenarkan untuk membuat dua (2) kali reset sahaja. Calon tidak dibenarkan menjawab lagi sekiranya butang reset telah digunakan melebihi dua kali.*

TEMU DUGA

- S1. Siapakan yang layak untuk ditemu duga?**
- J1.** *Hanya calon yang lulus e-UKCG serta melepassi syarat umum dan bidang sahaja layak dipertimbangkan untuk ditemu duga.*
-
- S2. Bilakah calon akan dimaklumkan mengenai tarikh dan sesi temu duga?**
- J2.** *Tarikh dan sesi temu duga akan dimaklumkan kepada calon melalui laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>. Sila rujuk tarikh-tarikh penting dari semasa ke semasa.*
-
- S3. Bagaimanakah temu duga dilaksanakan?**
- J3.** *Temu duga dilaksanakan secara bersemuka. Calon mesti hadir di pusat-pusat temu duga yang ditetapkan mengikut tarikh dan masa yang telah diberi.*
-
- S4. Adakah calon dibenarkan menukar tarikh dan sesi temu duga?**
- J4.** *Tidak dibenarkan. Calon dianggap gagal dalam temu duga sekiranya tidak mematuhi tarikh dan sesi temu duga seperti yang telah ditetapkan.*

S5. Berapa lamakah tempoh masa temu duga dijalankan?

J5. Calon akan ditemu duga dalam anggaran tempoh masa antara 1 jam hingga 1 jam 15 minit. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada keperluan panel temu duga masing-masing.

S6. Apakah yang akan dinilai dalam temu duga?

J6. Pada umumnya calon akan dinilai mengenai kesesuaian dan ketrampilan diri calon sebagai seseorang yang boleh dilantik menjadi guru.

S7. Apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh calon sebelum menghadiri temu duga?

J7. Pada umumnya calon perlu mengetahui pusat temu duga, tarikh dan sesi temu duga yang telah ditetapkan. Calon juga perlu memastikan semua dokumen yang diperlukan dibawa ke pusat temu duga. Sila rujuk Panduan Temu duga yang dibekalkan dalam laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>

S8. Apakah yang perlu dilakukan pada hari temu duga?

J8. Calon perlu datang awal ke pusat temu duga masing-masing bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Ikut pandu arah yang disediakan di pusat temu duga untuk ke tempat pendaftaran. Calon akan dibantu oleh urus setia pusat temu duga untuk proses seterusnya.

S9. Di manakah calon boleh mendapat maklumat lanjut mengenai temu duga?

J9. Maklumat lanjut mengenai temu duga boleh didapati di dalam Panduan Temu duga yang boleh dimuat turun semasa calon membuat semakan keputusan e-UKCG. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja boleh memuat turun panduan ini melalui lama sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>

TAWARAN DAN PENEMPATAN

S1. Bilakah saya boleh menyemak keputusan tawaran PDPP?

*J1. Anda boleh menyemak keputusan tawaran mulai **25 September 2024 (tertakluk kepada perubahan)**. Anda dinasihatkan untuk menyemak tarikh-tarikh penting PDPP 2024 dari semasa ke semasa menerusi laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>*

S2. Di manakah saya boleh menyemak keputusan tawaran?

J2. Anda boleh menyemak keputusan tawaran di laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>

S3. Adakah saya akan ditawarkan bidang yang bukan menjadi pilihan saya semasa permohonan?

J3. *Ya. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berhak menawarkan bidang selain daripada permohonan calon mengikut keperluan KPM sekiranya memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan.*

S4. Bolehkah saya menolak tawaran?

J4. *Boleh. Anda boleh memilih untuk menolak tawaran.*

S5. Bolehkah saya menukar program atau bidang pengkhususan setelah menerima tawaran?

J5. *Tidak boleh. Anda tidak dibenarkan menukar program atau bidang pengkhususan kerana tawaran adalah **muktamad**.*

S6. Bolehkah saya menukar tempat pengajian?

J6. *Tidak boleh. Anda tidak dibenarkan menukar tempat pengajian kerana tawaran adalah **muktamad**.*

S6. Bagaimakah tempat pengajian ditetapkan?

J6. *Tempat pengajian ditetapkan berdasarkan bidang penawaran dan kapasiti di sesebuah IPG. Tidak semua IPG menawarkan bidang pengkhususan yang ditawarkan.*

S7. Bolehkah saya menangguh pendaftaran?

J7. *Tidak boleh. Anda tidak boleh menangguh pendaftaran kerana tarikh pendaftaran adalah **muktamad**.*

S8. Sekiranya saya gagal ditawarkan, adakah saya boleh membuat rayuan?

J8. *Boleh. Rayuan boleh dibuat **secara dalam talian sahaja** menerusi butang e-rayuan di laman sesawang <https://mypdpp.moe.gov.my/PD>. Rayuan yang dibuat selain daripada kaedah di atas tidak akan dipertimbangkan.*

- S9. Adakah tawaran saya boleh dibatalkan?**
- J9.** *Ya. Tawaran anda boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya KPM mendapati anda memalsukan maklumat semasa pemohonan.*
-

- S10. Adakah saya perlu membayar yuran pengajian PDPP?**
- J10.** *Tidak. Yuran pengajian akan ditanggung sepenuhnya oleh KPM dan pelajar akan diberi elaun sara hidup pada kadar **RM430** setiap bulan selama satu tahun pengajian. Sila rujuk **Maklumat Tambahan** pada iklan untuk mendapatkan maklumat lengkap.*

SILA HUBUNGI ALAMAT DI BAWAH SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG PERTANYAAN LANJUT BERKAITAN PROGRAM

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
ARAS 1-3, BLOK 2250 JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon: 03-83126731/6768/6760/6733/6693